

Bagaimakah buah pinggang penderma kriteria yang diperluaskan digunakan?

Buah pinggang ECD biasanya diperuntukkan kepada penerima yang lebih berusia dan masa menunggu untuk dialisis bagi buah pinggang ini mungkin lebih singkat. Pesakit yang lebih tua mungkin lebih baik menerima buah pinggang ECD daripada menunggu bertahun-tahun untuk menjalani dialisis bagi pemindahan buah pinggang SCD. Kadang - kadang, kedua-dua buah pinggang dari seorang penderma ECD dipindahkan kepada seorang penerima untuk memastikan fungsi buah pinggang yang baik selepas pemindahan. Prosedur ini dipanggil pemindahan buah pinggang berganda.

Apakah yang boleh anda jangkakan dari pemindahan buah pinggang berganda?

Pembedahan akan mengambil masa yang lebih lama apabila dua buah pinggang dipindahkan kepada seorang penerima tunggal. Penerima akan mempunyai sama ada satu parut besar pada satu bahagian

abdomen, atau dua parut, satu pada setiap bahagian abdomen, bergantung kepada di mana buah pinggang diletakkan. Mungkin terdapat risiko yang lebih tinggi bahawa buah pinggang yang dipindahkan mungkin tidak akan berfungsi dengan serta-merta. Kebanyakan pemindahan buah pinggang berganda akhirnya akan berfungsi sama seperti buah pinggang SCD.

Apakah kadar kejayaan bagi pemindahan buah pinggang dari penderma yang telah meninggal dunia?

Kadar kejayaan bagi pemindahan buah pinggang dari penderma yang telah meninggal dunia adalah lebih rendah berbanding dengan pemindahan buah pinggang penderma yang masih hidup. Walau bagaimanapun, lebih daripada 90% buah pinggang dari penderma yang telah meninggal dunia mampu berfungsi dengan baik setahun selepas pemindahan, dan terus berfungsi selama purata 15 tahun atau lebih.

Dari masa ke masa, sesetengah pemindahan buah pinggang mungkin gagal akibat penolakan atau berulangnya penyakit buah pinggang asal. Pesakit boleh membantu diri mereka sendiri dengan mengambil ubat mengikut arahan, mengamalkan gaya hidup sihat dan mengikut nasihat doktor pemindahan buah pinggang.



Our Patient Care Institutions

National University Hospital
Ng Teng Fong General Hospital & Jurong Community Hospital
Alexandra Hospital
National University Polyclinics
Jurong Medical Centre
National University Cancer Institute, Singapore
National University Heart Centre, Singapore
National University Centre for Oral Health, Singapore
NUHS Diagnostics
NUHS Pharmacy



Scan the QR code for more information on our patient care institutions.

OneNUHS Hotline: (65) 6908 2222
OneNUHS General Enquiries: contactus@nuhs.edu.sg
OneNUHS Appointments: appointment@nuhs.edu.sg
Opening Hours: 7.30am to 5.00pm (Mon to Fri)
www.nuhs.edu.sg

Take charge of your health and access health information and services across NUHS institutions.
[Download the NUHS App now!](#)




Scan to download

Maklumat yang diberikan dalam penerbitan ini adalah semata-mata untuk tujuan pendidikan dan tidak boleh digunakan sebagai pengganti diagnosis atau rawatan perubatan. Anda harus mendapatkan nasihat doktor anda atau penyedia penjagaan kesihatan yang bertauliah sebelum memulakan sebarang rawatan atau jika anda mempunyai sebarang soalan berkaitan kesihatan, kecergasan fizikal atau keadaan perubatan anda.

Maklumat adalah betul pada masa cetakan (2025) dan tertakluk kepada semakan tanpa notis terlebih dahulu. Hak Cipta (2025) Hospital Universiti Nasional

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula tanpa kebenaran bertulis daripada Hospital Universiti Nasional



Pemindahan Buah pinggang Penderma yang Telah Meninggal Dunia



Pemindahan Buah Pinggang Penderma yang Telah Meninggal Dunia

Apa itu pemindahan buah pinggang?

Pemindahan buah pinggang adalah pembedahan di mana pesakit yang mengalami kegagalan buah pinggang (penerima) menerima buah pinggang daripada orang lain (penderma). Ubat imunosupresif menghalang penolakan buah pinggang yang dipindahkan dan membolehkannya berfungsi seperti buah pinggang normal, iaitu membersihkan toksin dari badan penerima, mengeluarkan lebihan garam dan air, serta menghasilkan hormon yang diperlukan untuk mengekalkan kesihatan. Buah pinggang untuk pemindahan boleh diperoleh daripada individu yang masih hidup (penderma yang hidup) atau mereka yang telah meninggal dunia di Unit Rawatan Rapi (ICU) hospital (penderma yang telah meninggal dunia).

Mengapakah anda perlu menjalani pemindahan buah pinggang?

Berbanding dengan dialisis, penerima pemindahan buah pinggang:

- + Mempunyai jangka hayat yang lebih panjang
- + Mempunyai taraf kesihatan yang lebih baik
- + Kurangkan sekatan dalam pemakanan dan pengambilan air
- + Mempunyai lebih banyak tenaga dan kurang sekatan dalam aktiviti fizikal
- + Mempunyai taraf kualiti hidup yang lebih baik
- + Mempunyai kemampuan yang lebih baik untuk kembali bekerja
- + Mempunyai fungsi seksual dan kesuburan yang lebih baik

Walaupun pemindahan buah pinggang daripada penderma hidup adalah pilihan terbaik, pemindahan buah pinggang penderma yang sudah meninggal tetap menjadi pilihan terbaik daripada dialisis. Namun, penerima perlu menunggu beberapa tahun di senarai tunggu kebangsaan di Singapura sebelum menerima pemindahan kerana permintaan jauh lebih tinggi daripada bekalan organ penderma yang sudah meninggal dunia. Dalam tempoh ini, terdapat kemungkinan timbulnya masalah kesihatan baru yang boleh menyebabkan seseorang tidak lagi layak untuk menerima pemindahan. Oleh itu, pilihan terbaik adalah mendapatkan penderma yang hidup secepat mungkin selepas memulakan dialisis, atau sebelum memulakan dialisis.

Siapakah yang boleh menjalani pemindahan buah pinggang penderma yang sudah meninggal dunia?

Kebanyakan orang yang sihat dan layak untuk menjalani pembedahan besar boleh dinilai untuk pemindahan buah pinggang daripada penderma yang sudah meninggal dunia, kecuali jika mereka mempunyai keadaan berikut:

- + Penyakit jantung yang teruk
- + Strok
- + Kanser
- + Masalah psikiatri aktif
- + Penyakit vaskular periferal yang ketara dengan amputasi di bawah atau di atas lutut
- + Sebarang keadaan lain di mana pemindahan buah pinggang mungkin bukan pilihan yang sesuai

Bagaimanakah pesakit dialisis boleh menyertai senarai menunggu kebangsaan?

Pesakit dialisis perlu menjalani pemeriksaan oleh doktor pembedahan dan menjalani ujian khas, termasuk tetapi tidak terhad kepada ujian darah dan imbasan untuk memastikan mereka sesuai menerima buah pinggang sebelum mereka boleh dimasukkan ke dalam senarai menunggu.

Setelah mereka berada dalam senarai menunggu, mereka perlu menjalani pemeriksaan berkala untuk memastikan kesesuaian berterusan, dan mungkin memerlukan ujian. Selain itu, sampel darah rutin akan diambil setiap empat bulan untuk disimpan. Apabila buah pinggang untuk pemindahan tersedia, sampel darah ini akan digunakan untuk melakukan pemadanan dengan penderma.


Pesakit yang berada dalam senarai menunggu mestilah:

- + Mematuhi rawatan dialisis dan ubat-ubatan mereka
- + Boleh dihubungi pada bila-bila masa, tidak kira waktu siang atau malam
- + Menghadiri ulasan dan kemasukan segera di Pusat Pemindahan Organ Universiti Nasional (NUCOT) apabila buah pinggang penderma yang meninggal dunia tersedia



Bagaimanakah pembedahan ini dilakukan?

Insisi dibuat di bahagian bawah abdomen. Buah pinggang baru dijahit di bahagian dalam pelvis dan insisi ditutup. Biasanya buah pinggang penerima sendiri tidak akan dikeluarkan. Pembedahan ini mengambil masa kira-kira tiga hingga empat jam dan penerima akan tinggal di hospital selama kira-kira tujuh hingga empat belas hari.



Apakah jenis-jenis pemindahan buah pinggang penderma yang meninggal dunia tersedia?

Buah pinggang penderma yang meninggal dunia biasanya diperoleh daripada individu yang sudah disahkan kematian otak. Kematian otak adalah definisi perubatan kematian di mana otak penderma telah berhenti berfungsi, tidak dapat bertahan tanpa sokongan organ buatan, dan tiada kemungkinan untuk pulih.

Penderma kriteria standard (SCD) biasanya terdiri daripada penderma muda atau mereka yang meninggal dunia akibat kemalangan dan mempunyai fungsi buah pinggang yang normal. Penderma ini menyumbangkan setiap satu buah pinggang untuk dua penerima.

Sebilangan penderma mungkin mempunyai fungsi buah pinggang yang kurang ideal disebabkan usia yang lebih tua, masalah perubatan lain atau punca kematian dan kejadian yang menyebabkan kematian. Penderma - penderma ini dinamakan penderma kriteria yang diperluaskan (ECD). Di Singapura, kadar kemalangan sangat rendah, oleh itu ramai penderma yang meninggal dunia mungkin termasuk dalam kategori penderma ECD.